

PM yakin Bush mampu pulih hubungan

BH 15 DEC 2000

ALOR STAR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kekalahan Al Gore dalam perebutan jawatan Presiden Amerika Syarikat (AS) akan memulihkan semula hubungan Malaysia dengan negara itu.

Perdana Menteri yakin kemenangan calon Republikan, George W Bush mampu memulihkan hubungan dua hala Amerika Syarikat-Malaysia.

“Dengan kekalahan Gore, saya harap kita dapat pulihkan semula hubungan dengan Kerajaan Amerika Syarikat berasaskan saling menghormati.

“Dasar luar negara Bush tentu berbeza dengan Gore. Saya tak percaya dia (Bush) akan datang ke sini untuk buat ucapan supaya rakyat memberontak menentang kerajaan,” katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan pertandingan jawatan Presiden Amerika Syarikat ke-43 yang dimenangi Bush selepas Gore mengaku kalah.

Gore menjadi punca kekeruhan hubungan kedua-dua negara berikutan sikap kurang ajarnya menyokong gerakan reformasi ketika berucap pada majlis makan malam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur pada 1998.

Dalam ucapannya, Gore memuji pendokong gerakan reformasi di Indonesia dan Malaysia, khususnya penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang beliau sifatkan sebagai ‘berani’.

Ucapan itu memeranjatkan banyak pihak dan dianggap kurang ajar kerana sebagai tetamu, Gore tidak sepatutnya membuat kenyataan yang menyindir negara tuan rumah.

Tindakan Gore yang dianggap penyokong dan rakan akrab Anwar itu menerima kecaman hebat pelbagai pihak di negara ini.

Bagaimanapun, penyokong Anwar, khususnya parti Keadilan menganggap tindakan Gore itu sebagai tepat. Parti itu juga berharap Gore menjadi Presiden dengan harapan akan memberi tekanan kepada Dr Mahathir membebaskan Anwar.

Mahkamah Agung Amerika Syarikat menyerahkan kerusi Rumah Putih kepada Bush apabila membuat keputusan tidak membenarkan kiraan semula undi secara manual di Florida diteruskan.

Di WASHINGTON, Reuters melaporkan dalam tindakan pertamanya sebagai bakal Presiden AS Bush menyeru rakyat supaya bersatu dan mengetepikan sebarang kepahitan akibat pertandingan sengitnya dengan Gore.

Berucap kurang sejam selepas Gore mengaku kalah, Bush yang juga Gabenor Texas berkata, Amerika Syarikat mesti mengetepikan perpecahan.

Ucapan dramatik itu dibuat 36 hari selepas pilihan raya Presiden paling sengit dalam sejarah Amerika Syarikat, diikuti

LIHAT MUKA 2

Bush angkat sumpah Presiden 20 Januari

DARI MUKA 1

Ucapan dramatik itu dibuat 36 hari selepas pilihan raya Presiden paling sengit dalam sejarah Amerika Syarikat, diikuti peperangan mahkamah, menamatkan pilihan raya secara aman.

Ia membuka jalan kepada perpindahan kuasa secara teratur kepada Bush yang akan mengangkat sumpah sebagai Presiden pada 20 Januari.

“Saya tahu Amerika mahu perpaduan dan terbaik-baik semula. Saya tahu Amerika mahu kemajuan. Dan kita mesti mengambil kesempatan ini dan menjayakannya,” ujar Bush di Dewan Perwakilan Texas.

Sebagai tanda penyatuan yang Bush mahu perluaskan ke Washington, beliau diperkenalkan kepada speaker dari parti Demo-

kratik, Pete Laney.

Sehari selepas Mahkamah Agung, dengan undi 5-4 memadamkan peluangnya ke Rumah Putih, Gore mengaku kalah dalam ucapan berjenaka serta menyeru semua rakyat Amerika supaya bersatu di belakang bakal Presiden, Bush.

Sebelum ini, Gore yang memenangi undi popular dengan perbezaan 300,000, berkata dia tidak akan menggunakan perkataan ‘mengaku kalah’ dalam ucapannya.

Tetapi beliau memeranjatkan mereka apabila secara terus terang menyatakan pilihan raya sudah berakhir dan beliau kalah.

“Saya mengaku kalah,” kata Gore.